




# SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 18 Jamadilawal 1444 / 12 Disember 2022

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan penurunan yang mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakang ialah 434 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 503 kes sehari. Sebanyak 38,422 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 7.8% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.




Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 dan Kategori 4 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) atau yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
  - ii) Sehingga kelmarin, 11 Disember 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.9%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.3%** juga telah mendapatkan dos keempat.
2. Pada hari ini, sebanyak **388 kes baru** telah dilaporkan iaitu 384 kes hasil ujian ART dan 4 kes adalah hasil dari 193 ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

3. Sementara itu, Alhamdulillah, *trend* kes *Influenza* dan jangkitan serupa *Influenza (Influenza-like Illness, ILI)* pada minggu lalu telah kembali kepada paras normal. Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus mengamalkan langkah berwaspada. Mereka yang berumur 60 tahun ke atas serta mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan suntikan *Influenza* pada setiap tahun.



4. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 18 Jamadilawal 1444H / 12 Disember 2022